

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
DWEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 10 JUN 2015 (RABU)

SOALAN :

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan berniat menyemak kembali fatwa berkaitan golongan transgender menukar jantina mereka memandangkan kita sekarang lebih faham berkenaan dengan keadaan yang disebut Gender Identity Dysphoria.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Fatwa Kebangsaan telah membincang dan memutuskan beberapa fatwa berkaitan dengan isu kekeliruan jantina. Antaranya ialah pada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa

Kebangsaan Kali Ke-25 pada **13 Disember 1989** telah memutuskan bahawa **pertukaran jantina daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram dari segi syarak**. Walau bagaimanapun, seseorang yang dilahirkan **khunsa musykil** iaitu mereka yang dilahirkan mempunyai dua alat kemaluan lelaki dan perempuan **diharuskan** pembedahan bagi mengekalkan salah satu alat jantina yang benar-benar berfungsi supaya dapat digunakan mengikut keadaan yang sesuai.

Muzakarah kali ke-76 pada **21-23 November 2006** pula memberi pengecualian mengenai penukaran jantina dalam isu kekeliruan jantina **Congenital Adrenal Hyperlasia** dan **Testicular Feminization Syndrome** sebagai kategori "Khunsa Musykil" seperti berikut :

1. Bagi kes *Congenital Adrenal Hyperlasia (CAH)*, **pembedahan jantina untuk kembali kepada genetik asal iaitu perempuan adalah diharuskan** oleh Islam kerana ia boleh dilakukan melalui rawatan hormon dan pembedahan
2. Manakala bagi kes *Testicular Feminization Syndrome (TSF)*, untuk kembali kepada genetik asal (lelaki) secara pembedahan atau rawatan hormon adalah sukar. Sekiranya individu berkenaan bercadang untuk melakukan pembedahan, ia adalah **diharuskan selagimana perbuatan tersebut tidak mendatangkan kemudharatan** sama ada dari aspek psikologi atau biologi kepada individu tersebut.

3. Bagi kes *Testicular Feminization Syndrome (TSF)* yang dikesan ketika dewasa, individu tersebut boleh menjalani kehidupan seperti biasa dan jantina mereka diiktiraf berdasarkan fizikal dan genitalia zahir mereka. **Pembedahan untuk mengeluarkan testes (sekiranya ada) adalah harus** untuk mengelakkan risiko penyakit seperti mendapat kanser. Perkahwinan dengan pasangan mengalami *Testicular Feminization Syndrome* tidak perlu dipisahkan.

4. Pakar-pakar perubatan perlu memberi penjelasan, bimbingan dan menasihati ibu bapa serta individu-individu muslim yang terlibat dengan kes *Congenital Adrenal Hyperlasia* Dan *Testicular Feminization Syndrome* supaya menjalani rawatan bagi mengelakkan permasalahan hukum agama di kalangan umat Islam.

Berkaitan dengan isu *Gender Identity Dysphoria (GID)* ataupun istilah asalnya "*Gender Identity Disorder*", ianya merujuk kepada **kecelaruan identiti seseorang terhadap jantina kelahirannya**. Kecelaruan ini melibatkan aspek **emosi dan pemikiran** individu tersebut. Sebagai contoh seseorang yang dilahirkan dengan biologi lelaki merasa celaru dengan identiti tersebut dan merasa terganggu dari sudut perasaan dan fikiran. Kecelaruan ini diterjemahkan sama ada dalam bentuk meniru perilaku, pemakaian dan sifat jantina berlawanan atau perasaan kuat ingin menyembunyikan tanda-tanda biologi tubuh badan yang menunjukkan jantina asalnya. Istilah *dysphoria* diguna sebagai menggantikan *disorder* bagi menekankan komponen gangguan dan ketidakselesaan (*distress*) yang wujud akibat kecelaruan itu. **GID bukanlah merupakan situasi yang disebabkan biologi dan fizikal seseorang semata-mata tetapi lebih**

kepada masalah pemikiran dan psikologi. Mereka yang mengalami masalah ini hanya **perlu dirawat dari segi perubatan dan psikologi** serta tidak semestinya perlu melakukan pembedahan.

Justeru, Kerajaan berpandangan bahawa fatwa yang sedia ada mengenai isu kekeliruan jantina berhubung dengan hukum penukaran jantina adalah memadai dan tidak perlu disemak .

Sekian, terima kasih.